

‘Kerajaan Perpaduan masih utuh’

**PM tegaskan
gesaan mahu
hidupkan semula
MN belum
tahap serius**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Kerajaan Perpaduan dipimpinnya masih utuh dan gesaan pemimpin tertentu mahu supaya Muafakat Nasional (MN) dihidupkan semula belum berada pada tahap serius.

Perdana Menteri sebaliknya menjelaskan, semua parti di bawah Kerajaan Perpaduan sudah memberikan komitmen untuk menumpukan perhatian dalam pertumbuhan ekonomi, pembelaan nasib rakyat sehingga Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

“(Gesaan kembalikan MN) itu belum serius. Saya belum dapat maklumat lagi. Itu keputusan (parti) masing-masing.

“Tapi yang penting, sekarang

Kerajaan Perpaduan masih utuh,” katanya selepas solat Jumaat di Masjid Jumburiah Petaling Jaya di sini, semalam.

Terdahulu sebelum menunaikan solat Jumaat, Anwar meluangkan masa kira-kira 25 minit makan tengah hari bersama penduduk setempat di sebuah kedai makan di sini.

Kemelut BERSATU, PAS

Menyentuh kemelut BERSATU dan PAS yang mula menarik reaksi kalangan parti tertentu dalam Kerajaan Perpaduan, Anwar menjelaskan kemelut melanda dua parti pembangkang itu juga tidak memberi sebarang masalah kepada Kerajaan Perpaduan.

“Soal idaman dan igauan (parti pembangkang ini), soal dia bercerai berai itu bukanlah masalah saya.

“Itu masalah mereka, (saya) tak campur. Itu masalah PAS dan BERSATU cerai-berai bukan masalah Kerajaan Perpaduan,” katanya.

Susulan kemelut dalaman antara BERSATU dan PAS baru-baru ini, muncul gesaan daripada segelintir pemimpin UMNO dan PAS supaya MN dihidupkan kembali.



Anwar bersalaman dengan jemaah selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Masjid Jumburiah Petaling Jaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)